



**SIARAN AKHBAR
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN
BAGI MANGSA BENCANA DAERAH BELAIT**

Kuala Belait, Isnin, 23 Julai 2018 – Di atas dasar pemedulian kerajaan dalam membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa bencana banjir dan kebakaran dari beberapa buah kampung di Daerah Belait, satu majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan telah diadakan pada pagi ini di Pusat Bahagia Eric Goh, Kuala Belait.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kerajaan ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput selaku Penghulu Mukim Labi; Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta ketua-ketua kampung dari kawasan-kawasan yang terjejas.

Acara dimulai dengan bacaan surah Al-Fatihah oleh Yang Mulia Ustaz Mohammad Shahrin bin Sulaiman, Ketua Guru Ugama Kompleks Rumah Kebajikan dan diteruskan dengan penyampaian bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada seramai 19 orang mangsa banjir pada 5 Februari 2018 dan diselajurkan dengan penyampaian bantuan kepada 2 mangsa kebakaran di Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panaga pada 14 Februari 2018 dan di Kampung Sungai Lalit, Lumut pada 23 April 2018. Majlis diakhiri dengan doa selamat beramai-ramai.

Bantuan kerajaan yang dihulurkan ini adalah diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh para mangsa dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

Tamat

Dikeluarkan Oleh:

*Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 10 Zulkaedah 1439 / 23 Julai 2018*